

**TR 10:6:72**

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA  
24HB JUN, 1972**

**Saudara Pengerusi,<sup>1</sup> Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi, Para perwakilan sekalian.**

**Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita berkumpul sekali lagi pada hari yang bersejarah ini. Kita berkumpul di sini untuk mengadakan Perhimpunan Agung UMNO yang kedua semenjak Demokrasi Berparlimen dipulihkan, dan inilah juga Perhimpunan Agung yang pertama diadakan di bawah Perlembagaan UMNO yang baru.**

**Perhimpunan kita ini sekali lagi membuktikan dengan jelas akan kejayaan UMNO—perpaduan yang kukuh, kesediaan untuk berkorban dan keyakinan bahawa kita akan dapat menjamin masa depan yang cemerlang untuk kita dan keturunan kita.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Kita berhimpun di sini untuk menyambungkan perjuangan UMNO di atas landasan yang telah dibina dengan kukuh dua puluh enam tahun yang lalu, dalam konteks Malaysia yang baru dan sedang berkembang maju. Bagi mencapai maksud itu maka para perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung khas tahun lepas yang mempunyai pandangan jauh telah membuat beberapa pindaan kepada Perlembagaan, Parti, antaranya mulai tahun ini, para perwakilan akan memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi untuk menyandang jawatan selama tiga tahun. Saya yakin pindaan-pindaan tersebut khasnya tentang perlanjutan masa berkhidmat pucuk pimpinan tertinggi ini akan melahirkan pemimpin yang lebih berdedikasi, yang jujur dan penuh taat setia kepada Parti.**

**Para Perwakilan sekalian,**

**Saya sukacita melaporkan bahawa pengaruh dan prestige UMNO dan, melaluinya, Perikatan, sedang meningkat tinggi dari hari ke hari. Keputusan-keputusan pilihanraya kecil di peringkat Parlimen**

<sup>1</sup> Tan Sri Nik Ahmad Kamil.

ataupun Negeri sahagatlah memuaskan. Sehingga ini kita hanya kalah di Tumpat Barat sahaja. Namun begitu, undi kita telah meningkat banyak berbanding dengan tahun 1969 dulu. Di sini saya terimakasih kepada kedua-dua ahli dan pekerja-pekerja terutama pemuda dan wanita.

Begitu juga saya sukacita dan bersyukur ke hadrat Tuhan kerana baru-baru ini ramai bekas ahli-ahli UMNO telah rujuk kepada Parti dan ramai pula ahli-ahli Parti Pembangkang terutama sekali dari PAS, yang telah masuk menjadi ahli UMNO, ataupun berpaling menyokong UMNO.

Kita menerima mereka itu dengan senang hati dan sebagai ahli-ahli UMNO mereka mempunyai hak yang sama seperti ahli-ahli yang lama menurut Perlembagaan UMNO. Selagi mereka taat dan setia kepada Perlembagaan dan kepada pucuk pimpinan Parti, mereka boleh bebas bergerak dalam sebarang aktiviti-aktiviti UMNO.

Tetapi sukaulah saya memberi ingatan kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO supaya berhati-hati menerima orang-orang UMNO secara beramai-ramai kerana sudah tentu ada di antara mereka itu berbuat demikian disebabkan berbagai tujuan—ada yang baik dan semestinya ada pula yang tidak baik. Saya harap kita pandai-pandailah memilih mana satu intan mana satu kaca.

**Para perwakilan sekalian,**

Adalah menjadi kenyataan semenjak Kerajaan kita menjalankan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua dan semenjak adanya pimpinan-pimpinan baru dalam Parti dan Kerajaan, sokongan dari rakyat terutama rakyat Bumiputra dan rakyat Malaysia amnya makin meningkat. Sokongan yang luas dan sedang berkembang dari rakyat ini mempunyai satu erti sahaja iaitu dasar Parti kita menepati hasrat dan memenuhi kehendak-kehendak rakyat khasnya ahli-ahli dan penyokong-penyokong kita yang tinggal di luar bandar. Parti-parti lawan tidak mendapat sokongan begitu kerana dasar mereka tidak diterima oleh rakyat.

**Para perwakilan sekalian,**

Kekuatan kita di Malaysia Barat dan juga Parti-parti seperjuangan kita di Sabah dan Sarawak telah membolehkan kita membentuk Kerajaan-kerajaan Campuran di Sarawak, iaitu Perikatan

dengan SUPP pada mulanya, kemudian itu di Pulau Pinang dengan Gerakan dan akhirnya dengan PPP di Perak. Ketiga-tiga Kerajaan Campuran ini memberi makna yang besar kepada perpaduan negara dalam identiti baru.

Kejayaan kita membentuk Kerajaan Campuran itu ialah oleh kerana dasar kita berdiri tegak dan tegas atas kepentingan rakyat dan Negara. Kita telah bersetuju membentuk Kerajaan-kerajaan Campuran kerana Parti-parti yang bersahabat dengan kita itu menerima dasar-dasar kita khasnya Dasar Ekonomi Baru. Atas dasar itulah kita mengadakan Kerajaan Campuran supaya mengukuhkan lagi perpaduan rakyat dari berbagai kaum dan untuk kestabilan politik dalam Negara. Ini memudahkan kita untuk mengembelikan tenaga rakyat bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua.

Para perwakilan sekalian,

Tentulah menjadi tandatanya apakah sebabnya Kerajaan Campuran ini tidak diperluaskan lagi supaya benar-benar mencapai perpaduan bulat dalam Negara, pada hal hujjah-hujjah yang mewujudkan tiga Kerajaan Campuran itu sangatlah munasabah dan praktikal.

Sebenarnya, kita dalam UMNO khasnya dan Perikatan amnya suka hendak bekerjasama dengan sebarang Parti lawan yang sanggup bekerjasama dengan kita.

Baru-baru ini ada ura-ura hendak mengadakan kerjasama di antara kita dengan Parti PAS di Kelantan. Saya telah tegaskan kita tidak menolak sebarang usaha ke arah ini demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat khasnya rakyat di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Para perwakilan sekalian,

Selain dari PAS hanya tinggal tiga Parti sahaja dalam Parlimen yang berada di luar Coalition, iaitu DAP, Pekemas dan SNAP. DAP tetap tidak dapat diterima oleh UMNO kerana ia adalah sebuah Parti chauvinis yang menjalankan dasar perkauman. Lagi pula, taat setia mereka kepada Negara amat diragukan kerana nampaknya mereka tidak mempunyai kemegahan menjadi rakyat Malaysia. Mereka mencari setiap peluang terutama sekali di luar

negeri untuk memutar belitkan dasar-dasar Kerajaan, memburukkan Kerajaan dan negara sendiri serta merendah-rendahkan kebolehan dan kekuatan rakyat.

Tetapi syukurlah kita bahawa perbuatan-perbuatan buruk mereka itu dikutuk oleh golongan terbesar rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan harmoni memandang dari keputusan pilihanraya kecil Ulu Selangor baru-baru ini. Dan kini ramai pemimpin-pemimpin moderate dan penyokong-penyokong DAP termasuk dua Naib Presiden dan dua anggota Majlis Kerja Tertinggi telah keluar dari Parti itu.

Pergolakan dalam DAP akhir-akhir ini membuktikan dengan jelas apa yang kita katakan selama ini bahawa pemimpin-pemimpin DAP bercita-cita merebut kuasa dengan meniupkan api perkauman dan berselindung di bawah slogan "Malaysian Malaysia".

Tidak syak lagi, perpecahan dalam DAP akan terus meleburkannya oleh kerana pucuk pemimpinnya adalah dalang chauvinism. Mereka enggan mengakui kenyataan dan hakikat politik (real politic) Malaysia selepas Peristiwa 13 Mei, dan sudah pasti mana-mana Parti yang enggan mengakui hakikat ini akan hanyut dalam peredaran zaman.

Pekemas nampaknya sukar hendak menjadi sebuah Parti yang benar-benar bercorak nasional. Namun begitu, kita hendaklah mengawasi gerak gerinya setiap masa.

SNAP adalah Parti yang bercorak daerah dan sebarang Parti yang bercorak demikian tidak akan berkembang lama atau ke seluruh negara.

**Para perwakilan sekalian,**

Saya kesal adanya segolongan kecil rakyat di negara ini yang masih lagi meniupkan api perkauman. Ada setengah-setengah Parti lawan mengatakan kononnya pihak Pembangkang tidak mempunyai kesempatan bergerak disebabkan adanya undang-undang yang menekan kebebasan mereka iaitu Akta Menghasut khasnya. Ini tidaklah benar sama sekali. Kalau undang-undang itu menyekat mereka untuk bergerak maka sudah tentulah rakyat akan bersimpati dengan mereka kalau benar mereka itu bergerak kerana hendak membela rakyat. Tetapi, akta dan undang-undang yang ada tidak menyekat mana-mana Parti kalau dasarnya dan rancangan perjuangannya menepati kehendak dan hasrat rakyat.

**Parti politik yang menggunakan issue-issue bahasa, kebudayaan dan berbau perkauman tidak mempunyai dasar yang sesuai dan menepati pada kenyataan hidup masyarakat kita sekarang. Rakyat mahu mengecap kemakmuran; rakyat mahu mencapai kemajuan untuk menyesuaikan diri mereka dalam zaman sains dan teknologi; rakyat mahu hidup rukun damai; mahu negaranya mencapai kedudukan yang setimpal dengan tarafnya sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, peranan yang berguna dalam hubungan serantau dan juga di dunia sebelah sini.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Kita mestilah selalu mengawasi taktik-taktik Parti Pembangkang. Walau bagaimana halus atau licin sekalipun taktik-taktik mereka untuk meniupkan racialism dan chauvinism mereka, kita mestilah menghadapinya dengan tindakan-tindakan politik dan ekonomi yang tegas. Sebagai parti pemerintah, kita harus berusaha supaya sokongan yang diberi oleh rakyat kepada kita itu diperkukuhkan dan diperkuat dari masa ke semasa.**

**Seperti saya katakan tadi, dasar kita khasnya Dasar Ekonomi Baru diterima penuh oleh rakyat, sebagai dasar yang adil bagi semua pihak, dasar untuk melenyapkan masalah kemiskinan samada di kampung-kampung lama atau di kampung-kampung baru. Dasar urbanisasi kita atau dasar membandarkan orang-orang luar bandar adalah sesuai dengan kenyataan hidup dalam negara kita. Falsafah negara kita iaitu Rukunegara menepati kehendak rakyat dari berbagai golongan untuk hidup rukun damai. Parti-parti lawan tidak dapat menyangkal kebenaran atau kejujuran Parti dan Kerajaan kita.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan hendak memberi taraf hidup yang tinggi dan sempurna kepada rakyat di negara kita khasnya kepada mereka yang sekarang dalam keadaan miskin dan daif. Kita sedar bahawa harapan atau expectation rakyat sangat besar terhadap kehasilan rancangan-rancangan ini tetapi kita harus juga sedar bahawa kejayaan rancangan-rancangan Kerajaan ini sangatlah bergantung kepada tanggungjawab dan sambutan rakyat jelata sendiri.**

**Rakyat jelata mustahaklah diberi pengertian dan kesedaran yang jelas bahawa tanggungjawab diri mereka, tidak semata-mata kepada Kerajaan. Rakyat mestilah faham bahawa mereka janganlah semata-mata berharap tetapi mestilah bertindak mengisi harapan mereka sendiri. Kemajuan dan kemakmuran negara tidak datang bergolek ke atas riba kita bahkan mestilah diusahakan bersama oleh rakyat dan Kerajaan. Rakyat mestilah berani bersama-sama menyingsingkan lengan menggerakkan rancangan-rancangan ini yang pada akhirnya ialah untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup mereka.**

**Begitu juga pelaksanaan segala rancangan-rancangan kita memerlukan readjustment dalam pemikiran rakyat. Tanpa perubahan dalam pemikiran, kita tidak dapat menghadapi cabaran-cabaran hidup di hadapan kita. Dunia di sekitar kita beredar dan berubah dengan cepat. Kalau kita tidak sanggup menyesuaikan diri kita dengan perubahan dunia yang begitu cepat sekarang, kita akan ketinggalan di belakang dan kita akan tercicir oleh zaman.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Masanya telah sampai bagi kita semua merebut peluang-peluang untuk kemajuan Bangsa dan Negara kita. Kita tidak boleh menangguhkan lagi masa untuk berusaha dan berikhtiar untuk menebus kemunduran kita. Kita telah lama menunggu dan dahaga kepada perubahan-perubahan. Sekarang peluang-peluang adalah terbuka dengan luas. Oleh itu wajiblah kita mencurahkan segala usaha dan tenaga untuk merebut peluang-peluang itu untuk kebahagiaan hidup kita dan keluarga kita serta bagi kemajuan Bangsa dan Negara.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Saya ingin menegaskan lagi keazaman Kerajaan dalam menjalankan langkah dan usaha untuk memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat supaya benar-benar memberi makna kepada matiamat negara yang merdeka dan berdaulat. Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru sedang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dengan erti kata bahawa pada kejayaan Dasar Ekonomi Baru itulah bergantungnya masa depan hatta wujud matinya "survival of Malaysia" sebagai bangsa yang bersatu padu. Oleh sebab itulah saya dan rakan-rakan saya dalam Kabinet sangat-sangat mengambil berat dan sentiasa mengawasi**

pelaksanaan projek-projek yang disusun dalam Rancangan Lima Tahun ini supaya benar-benar mencapai dan memenuhi matlamat-matlamatnya.

Untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini, Kerajaan telah-pun menubuhkan beberapa buah badan-badan seperti Pernas, Lembaga Padi dan Beras Negara, Lembaga Pembangunan Bandar, atau UDA, Lembaga Kemajuan Perikanan dan Lembaga Pemasaran Ikan, Syarikat Perusahaan Makanan atau FIMA, Lembaga Pemasaran Kelapa dan lain-lain. Hari ini boleh dikatakan semua negeri-negeri mempunyai Lembaga Kemajuan Ekonomi atau SEDC yang bertugas mempergiatkan kemajuan perdagangan dan perindustrian di negeri masing-masing.

Salah satu langkah yang amat mustahak untuk menjaga taraf hidup rakyat ialah menjamin bekalan barang-barang keperluan sehari-hari supaya tetap sentiasa ada dan dengan harga yang berpatutan iaitu dengan menjalankan perniagaan borong dan juga perniagaan runcit.

Saya telah mengarahkan Pernas supaya menjalankan perniagaan borong barang-barang keperluan termasuk juga barang-barang dari negara China dan membekalkan barang-barang ini ke Negeri-negeri, sementara Kerajaan Negeri telah diarah menubuhkan syarikat-syarikat untuk mengendalikan perniagaan borong dan runcit di peringkat negeri dan daerah.

Ini sudah pun mula bergerak seperti yang dijalankan oleh Pernas dan Senama di Selangor; Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang; Sergam Sendirian Berhad Johor; Penida Sendirian Berhad Perak; Syarikat Beben Trengganu; Serba Sendirian Berhad Kedah; Syarikat Tenaga Baru dan Syarikat Kelana di Negeri Sembilan. Saya harap tidak lama lagi setiap negeri akan mempunyai syarikatnya masing-masing dan barang-barang keperluan rakyat dijual dengan harga yang berpatutan. Selain dari itu, saya harap di kampung-kampung juga akan diadakan kedai-kedai runcit di-kendalikan oleh penduduk-penduduk kampung sendiri. Dengan ini bukan saja penduduk-penduduk kampung mendapat latihan dan kemahiran dalam lapangan perniagaan bahkan dapat mengendalikan barang-barang keperluan sendiri.

Sementara itu saya ingin melihat Pernas dan syarikat-syarikat anaknya menumpukan kegiatan-kegiatan kepada langkah-langkah yang memberi faedah secara langsung untuk rakyat. Syarikat

**Insuran Pernas atau MNI telahpun berjalan dengan memuaskan dan saya harap tidak lama lagi Syarikat Cement di Johor Tenggara akan mula bergerak supaya memberi peluang-peluang pekerjaan baru. Begitulah saya harap Syarikat-syarikat Permodalan Negeri dan SEDC mengambil bahagian secara langsung dalam perusahaan-perusahaan dan perniagaan untuk membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat.**

**Kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada Pernas, SEDC dan badan-badan lain untuk memenuhi matlamat-matlamatnya dalam jangka waktu yang singkat. Perhimpunan kita hari ini bersama-sama menyuarakan hasrat rakyat yang meletakkan harapan penuh kepada mereka untuk menjamin masa depan yang cerah kepada Bumiputra.**

**Kita juga haruslah faham jika kemajuan awal yang dicapai mereka tidak sebagaimana yang diharapkan kerana badan-badan ini mengalami kekurangan pegawai-pegawai terlatih, pegawai-pegawai mahir dan professional. Oleh sebab itu, sebagaimana akan saya terangkan kelak, Kerajaan, badan-badan separa Kerajaan dan Pernas akan mengambil pegawai-pegawai dagang atau expatriate professional untuk mengisikan kekosongan itu. Jika tidak, kemajuan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara tidak akan berjalan secepat yang dikehendaki.**

**Satu perkara lagi yang saya perlu nyatakan di sini ialah oleh kerana badan-badan ini bercorak swasta maka mereka menghadapi persaingan yang hebat di medan private sector dan perlulah setengah rancangan-rancangan mereka itu dirahsiakan dahulu sebelum dihebahkan untuk pengetahuan umum. Badan-badan ini juga dianjurkan supaya bertindak dengan menjadikan keuntungan sebagai motive dan dasar ini hendaklah difaham oleh kita semua.**

**Melalui UDA, yang masa ini sedang menumpukan usahanya di bandar besar iaitu Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kita akan berusaha untuk melaksanakan langkah menyusun semula masyarakat dengan menjamin kadar penyertaan orang-orang kita yang wajar dalam perniagaan dan perindustrian moden.**

**Lembaga Padi dan Beras Negara bukan saja bertugas untuk menjamin harga padi yang berpatutan untuk petani-petani kita tetapi juga mengawal harga beras yang wajar bagi pengguna-pengguna. Di samping itu, sebagai langkah jangka panjangnya, LPN akan membantu kaum tani supaya dapat memiliki tanah**

sawali yang ekonomik atau economic holding dan dengan ini mereka boleh betul-betul bergantung hidup pada usaha bersawah dengan jaminan pendapatan yang sewajarnya. Tidak syak lagi dengan berjalannya MADA di Kedah dan KADA di Kelantan, masa depan petani-petani akan bertambah cerah.

Kaum nelayan kita yang selama ini dalam keadaan daif dan miskin akan dapat mengubah corak hidup mereka setelah Lembaga Perikanan mulai melaksanakan rancangan-rancangan kelak. Seperti dimaklum, cara lama menangkap ikan sudah tidak sesuai dengan zaman kita ini dan hanya dengan menggunakan teknik-teknik moden, barulah kaum nelayan dapat menjamin taraf hidup yang lebih baik untuk mereka dan keluarga mereka.

Meskipun matlamat kita ialah hendak menurunkan peratus rakyat yang berada dalam rural traditional sector, buat beberapa lama ekonomi negara akan bertapak pada sektor pertanian. Jadi kita mestilah berusaha meluaskan scope perindustrian yang berdasar kepada sumber-sumber tanaman dalam negeri dengan menambah sumber yang ada sekarang.

F1MA, yang ditubuhkan khusus untuk perindustrian makanan, akan meluaskan lagi perusahaan kilang nenas, di samping meneroka lapangan baru, seperti perusahaan biji gajus dan buah-buahan tempatan.

Rancangan besar-besaran yang sedang disusun untuk tiga kawasan baru di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Johor Tenggara di samping Jengka Tiga Segi melibatkan pembukaan hampir-hampir lima juta ekar tanah. Berbagai-bagai projek industri dan pertanian sedang diatur dalam ketiga-tiga rancangan ini, termasuk juga projek penternakan lembu untuk susu dan daging. Saya telah juga mengarahkan MARDI supaya menyiasat kemungkinan menanam kapas untuk textile industri kita yang semakin meluas hari ini. Dan tentu ada banyak lagi kemungkinan menghasilkan tanaman secara besar-besaran seperti tebu, jagong dan lain-lain untuk memenuhi keperluan negara.

Para perwakilan sekalian,

Semua rancangan yang dijalankan sekarang adalah bertujuan membuka peluang-peluang baru kepada rakyat, memberikan mereka dan keluarga mereka jaminan hidup yang lebih baik dengan mengubah corak hidup "Kais pagi makan pagi" kepada

corak monetary economy atau dengan pendapatan wang yang tetap. Ini seterusnya membolehkan mereka menyertai lapangan industri dengan melaburkan wang simpanan dalam bentuk membeli saham atau pun melalui Amanah Saham Mara.

Berikut dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Amanah Saham M A R A , maka M A R A sedang merancangkan kompleks kewangan untuk meluaskan lagi scope atau bidang penyertaan orang-orang Melayu dalam kegiatan-kegiatan sistem kewangan moden. Dalam rancangan ini, M A R A tidak lama lagi akan membentuk sebuah Badan Amanah Pelaburan atau Investment Trust yang akan membeli saham Syarikat-syarikat perusahaan-perusahaan yang berkembang di dalam ekonomi Negara. Inilah cara yang nyata dan berkesan bagi orang-orang kita mendapatkan bahagian yang wajar dalam ekonomi negara di samping merasai dan menambah hakmilik dalam perusahaan-perusahaan. M A R A juga sedang merancangkan Pasaran Saham yang lebih luas daripada apa yang telah dijalankannya sekarang supaya dapat memberi peluang yang lebih luas kepada orang-orang kita mendapat munafaat dari perniagaan saham melalui Pasaran Saham itu.

Peluang pekerjaan yang diadakan menerusi Rancangan Malaysia Kedua untuk tahun pertama adalah memuaskan. Berdasar pada angka peserta-peserta baru E P F , tidak kurang dari 100,000 pekerjaan dapat diadakan dalam tahun 1971 untuk memenuhi matlamat 120,000 pekerjaan setahun. Dengan itu kita dapat membendung kadar pengangguran setakat 7.6%. Saya yakin apabila semua pioneer industri yang telah kita luluskan mulai berjalan kelak, matlamat peluang-peluang pekerjaan akan dapat dicapai.

Tetapi, serentak dengan itu juga, Kerajaan memandangkan mustahak mengadakan rancangan-rancangan latihan kemahiran untuk mengisi keperluan industri dengan membanyakkan Pusat-pusat Latihan seperti yang dijalankan oleh M A R A , Kementerian Buruh, Kementerian Pertanian dan Kementerian-kementerian lain. Kementerian Pelajaran sedang berusaha mengadakan sekolah vokesynal dan teknikal dengan lebih banyak di seluruh negara. Latihan-latihan ini diselaraskan oleh suatu Lembaga Penyelarasan supaya tiap orang yang akan mendapat latihan membolehkan mereka itu bekerja di kilang-kilang dan di Jabatan-jabatan Kerajaan. Di samping itu kaum pekerja diberikan jaminan yang lebih baik

dengan mengadakan Social Security Scheme atau Sekim Keselamatan Sosial yang akan diluaskan ke seluruh negara yang menjamin pekerja-perkerja dapat bantuan dan rawatan jika mereka tercedera. Begitu juga kita sentiasa mengadakan kemudahan-kemudahan yang sewajar bagi pekerja-pekerja kita dan peluang-peluang bekerja bagi belia-belia lepasan sekolah-sekolah Menengah dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi.

Para Perwakilan sekalian,

Apa yang saya katakan tadi hanya merupakan kemajuan setakat ini yang dapat kita usahakan. Tidak syak lagi langkah-langkah Kerajaan itu akan dilipatgandakan pada tahun-tahun akan datang supaya benar-benar dapat memenuhi tuntutan hasrat rakyat dan saya yakin Allah akan memberkati usaha-usaha kita itu.

Mengenai Rancangan Pahang Tenggara khususnya, kita boleh membayangkan perubahan-perubahan yang akan berlaku di kawasan itu dalam tempoh satu jenerasi. Penduduk-penduduknya yang seramai hanya 60,000 hari ini akan bertambah tujuh kali ganda menjadi 500,000 orang, mendiami tiga puluh enam bandar-bandar baru menjelang tahun 1990. Kawasan 3,000 batu persegi yang kebanyakannya hutan sekarang ini akan berubah menjadi ladang-ladang getah dan kelapa sawit, kawasan-kawasan bandar dengan kemudahan-kemudahan moden bagi masyarakat perindustrian dengan rangkaian jalan-jalan rayanya.

Gambaran yang sama akan berlaku di kawasan Johor Tenggara yang mempunyai potential besar dalam sektor perindustrian moden dan juga pelancungan dengan sebuah pelabuhan baru di Pasir Gudang. Hari ini pun kita boleh menyaksikan kemajuan-kemajuan Rancangan Jengka di mana tapak bandar baru sedang pesat dibangunkan di tengah-tengah kawasan ladang kelapa sawit dan mempunyai timber industrial complex yang terbesar di dunia sebelah sini. Begitu juga saya harap kemajuan yang seperti ini akan dapat dicapai di Kawasan Trengganu Tengah.

Para perwakilan sekalian,

Memandang pada peluasan rancangan-rancangan ekonomi hari ini, sedangkan negara masih kekurangan tenaga pegawai-pegawai yang berpengalaman maka sangatlah mustahak pada peringkat ini kita mendapatkan tenaga-tenaga pakar dari luar negeri. Saya ingin saudara-saudara memahami hakikat ini dan menyokong dasar Kerajaan mengenai pengambilan tenaga-tenaga dari luar untuk

membantu kita menjayakan rancangan-rancangan negara. Kita telah melihat buktinya yang nyata melalui pinjaman tenaga guru dari Indonesia, doktor-doktor dari Mesir, Filipina, Korea dan tidak lama lagi dari Burma. Langkah ini dirasakan perlu untuk mengatasi kekurangan tenaga-tenaga itu, terutama di kalangan Bumiputera, sehingga kita dapat mengadakan sendiri kelak.

Bagaimanapun, mengenai pengambilan tenaga-tenaga pakar untuk projek-projek besar, dasar kita ialah meminta bantuan negara-negara yang tidak mempunyai kepentingan cara langsung supaya dapat mengawal kepentingan kita sendiri. Pakar-pakar Kanada dan Belanda masa ini bertugas di Pahang. Saya juga bercadang meminta pakar-pakar dari negara-negara kecil yang telah maju seperti Denmark, Sweden, Norway dan Yugoslavia, negara-negara yang sesuai dengan dasar luar negeri kita yang tidak terikat kepada mana-mana pihak, kita akan membuka kerjasama ekonomi kepada negara-negara Eropah Timur termasuk Soviet Union.

Seperti saya katakan tadi, langkah ini ialah sementara, kita dapat mengadakan tenaga-tenaga pakar kita sendiri dalam beberapa tahun akan datang. Ini sedang pun dijalankan dengan menghantar pegawai-pegawai kita untuk latihan post-graduate di Universiti-universiti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Netherlands dan sebagainya. Saya berharap saudara-saudara memberikan pandangan yang sempurna kepada langkah-langkah ini.

Para perwakilan sekalian,

Selain daripada Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan hendak menseimbangkan kedudukan ekonomi di kalangan rakyat supaya dapat kita mencapai perpaduan yang kuat dan kukuh. Kerajaan adalah juga menjalankan dasar-dasar yang lain untuk memberi identiti atau keperibadian kepada rakyat di negara kita yang merdeka dan berdaulat.

Dalam usaha memberikan kedaulatan dan tempat yang sempurna kepada Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, kita telah mendapat kejayaan yang memuaskan. Pemakaian Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar telah mula berjalan pada tingkatan primary di semua sekolah dan akan dilaksanakan pada semua tingkatan menengah menjelang tahun 1980. Saya berharap langkah-langkah yang tegas akan diambil oleh Kementerian Pelajaran dan

**Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengeluarkan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi dalam semua mata pelajaran dan buku-buku bacaan umum dan buku-buku rujukan khasnya.**

**Dewan Bahasa dan Penal Hadiah Sastera akan diarah untuk menggalakkan lagi penulisan dalam bidang Sains, Ekonomi, Sejarah, Teknologi, Biography dan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Selain dari Hadiah Sastera yang ada sekarang, pada masa akan datang hadiah akan diberi untuk buku-buku dan penulisan berkenaan Sains, Teknologi, Ekonomi dan lain-lain lagi. Sangatlah mustahak kita mempunyai buku-buku ini di semua peringkat pelajaran kalau kita berkehendakkan rakyat negara kita mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia seluas-luasnya dan dengan cukup mendalam.**

**Kerajaan berazam hendak meneruskan usaha-usaha bagi memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua cawangan pentadbiran dan perdagangan. Saya sukacita melihat banyak papan-papan tanda di kedai-kedai dan bangunan-bangunan perniagaan dan kilang-kilang perusahaan yang ditulis dalam Bahasa Malaysia tetapi ini pun masih boleh diperbaiki.**

**Akan tetapi saya dukacita kerana masih ada lagi pihak-pihak tertentu yang belum lagi mengambil langkah bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Oleh itu, saya berharap mereka akan melaksanakan dasar Kerajaan ini dengan seberapa segera yang boleh. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia mengguna dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaannya sendiri dan mereka hendaklah berasa megah menggunakan Bahasa Kebangsaan itu.**

**Saya berharap mereka sedar akan tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat Malaysia terhadap Bahasa dan Negara. Saya berharap pihak-pihak yang belum lagi menggunakan tulisan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda perniagaan-perniagaan dan perusahaan mereka akan berbuat demikian dengan seberapa segera yang boleh.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Kerajaan adalah menjunjung tinggi perkhidmatan yang cemerlang dan pengorbanan terus menerus yang diberikan oleh perajurit-perajurit kita bagi mempertahankan kedaulatan Bangsa dan Negara. Dengan sebab itu, Kerajaan telah dan akan mengambil apa jua langkah-langkah yang difikirkan perlu dan mustahak untuk**

menjaga dan memelihara kepentingan mereka dan anak isteri mereka. Syor-syor Jawatankuasa Menyemak Tangga Gaji Baru bagi anggota-anggota tentera sekarang berada dalam pertimbangan Kerajaan dan saya harap cadangan-cadangan Jawatankuasa itu dapat diisytiharkan tidak berapa lama lagi. Saya percaya tangga gaji baru itu akan mendapat sambutan yang sewajarnya dari perajurit-perajurit kita.

Begitu juga berkenaan dengan bekas-bekas perajurit, langkah-langkah telah diambil bagi menyediakan latihan-latihan bagi mereka yang hendak berhenti dari perkhidmatan tentera—Latihan yang cukup masa bagi membolehkan mereka itu mendapat kemahiran bagi memulakan kehidupan baru samada dengan swasta ataupun bersendirian. Saya telah memberi arahan bahawa tiap-tiap orang perajurit yang dikehendaki menamatkan perkhidmatannya mestilah diberi latihan supaya mereka mendapat pekerjaan yang tertentu. Kita tidak mahu mereka itu balik ke kampung-kampung dengan tiada pekerjaan. Rancangan-rancangan tanah disediakan dan akan diperluas untuk mereka yang suka hendak menjalankan perusahaan pertanian. Begitu juga peluang-peluang bekerja dengan Kerajaan dan juga Swasta adalah diberi keutamaan kepada mereka. Saya harap perajurit-perajurit akan memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk menjayakan rancangan-rancangan yang bertujuan semata-mata memberikan pertolongan kepada mereka. Begitu juga saya bersyukur kerana Persatuan Bekas-bekas Perajurit adalah memberi kerjasama yang sangat memuaskan kepada Kementerian Pertahanan untuk menjaga kepentingan bekas-bekas perajurit.

Pada hari ini, saya sukacita mengumumkan Kerajaan telah bersetuju hendak menambahkan pembayaran sugu hati yang diberi kepada balu-balu atau waris-waris perajurit yang gugur dan mereka yang cedera parah yang membawa kecacatan langsung (permanent disablement) semasa bertugas iaitu dari \$2,000 kepada \$5,000. Haruslah diingat sugu hati ini adalah satu pemberian khas Kerajaan selain daripada pencen dan sugu-sugu hati tetap yang sudah ditentukan oleh undang-undang.

Para perwakilan sekalian,

Selain daripada usaha-usaha kita memperkembang dan memperkuat ekonomi kita maka mustahaklah juga kita mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan masyarakat kita

serta membentuk keperibadian bangsa. Jika kita ingin menjadi bangsa yang maju, moden dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain, maka mustahaklah segala aspek hidup kita—sistem sosial, perbuatan dan amalan kita sehari-hari mencerminkan rasa peri kemanusiaan dan moral yang tinggi.

Baru-baru ini Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa untuk menimbang pindaan kepada Undang-undang mengenai Nikah Cerai bagi orang-orang yang bukan Islam. Penyata Jawatankuasa itu sedang ditimbang dan Kerajaan berharap tidak lama lagi undang-undang itu dapat dikemukakan kepada Parlimen.

Begitu juga baru-baru ini saya telah mengesyorkan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia supaya melantik satu Jawatankuasa bagi menyemak Undang-undang Pentadbiran Syariah terutama sekali yang menyentuh aspek nikah cerai orang-orang Islam, sesuai dengan kehendak ugama Islam yang sebenarnya.

Kita tahu Ugama Islam membenarkan lelaki berkahwin lebih dari satu, sehingga empat orang isteri sahaja. Tetapi kebenaran beristeri lebih dari satu itu disertakan dengan syarat yang ketat, iaitu mustahaklah lelaki itu sebagai suami bersifat adil, zahir dan batin.

Akan tetapi, saya dukacita bahawa kebenaran di sisi Ugama Islam itu dipandang ringan oleh setengah-setengah kaum lelaki hingga mereka mencuaikan tanggungjawab mereka kepada anak isteri dan menggunakan kuasa menceraikan isteri tanpa perasaan timbang rasa atau peri kemanusiaan. Pada hal, perlulah kita semua menganggap nikah kahwin sebagai institusi atau ikatan yang mustahak dan penting serta dipandang serious bagi masyarakat.

Oleh itu, saya fikir peraturan-peraturan yang ada sekarang ini patutlah disemak supaya dapat diketatkan dan perbuatan yang tidak adil yang menjatuhkan maruah bangsa kita dan merendahkan Ugama Islam yang maha suci di mata pihak-pihak yang lain dapat diberhentikan.

Saya tidak bertujuan hendak menyekat mereka yang mampu dari segi ekonomi dan kesihatan berkahwin lebih dari satu—kalau mereka itu boleh menyempurnakan nafkah isteri dengan sempurna zahir dan batin. Akan tetapi hendaklah hak lelaki itu digunakan

dengan rasa peri kemanusiaan. Begitu juga kalau terpaksa menceraikan isteri, mestilah dengan syarat-syarat yang tertentu dan masa hadapan anak isteri mestilah dipertimbangkan sehalus-halusnya. Saya fikir perkara ini mestilah dipandang serious supaya maruah dan nama baik umat Islam dipelihara menurut ajaran-ajaran Islam yang sebenaraya. Saya harap apabila Jawatankuasa ini selesai menyediakan syor-syornya, perkara ini akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja untuk dipertimbangkan.

Para perwakilan sekalian,

Berhubung dengan usaha-usaha mengukuhkan kedudukan masyarakat kita, maka termasuklah juga soal kedudukan guru-guru Ugama yang memikul tugas membimbing akhlak dan moral anak-anak kita iaitu bakal jenerasi muda masa hadapan.

Saya bersimpati dengan rayuan mengenai kedudukan mereka itu, terutama guru-guru ugama di sekolah-sekolah rendah yang tidak termasuk di dalam pertimbangan Suruhanjaya Aziz.

Saya telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri menyelesaikan perkara ini dengan melaksanakan Laporan Aziz bagi guru-guru ugama dan memberi pertimbangan kepada mereka yang telah lama berkhidmat supaya disamakan kelulusan Thanawi IV dengan SPM sebagai jawatan "Penyandang" bagi mereka itu, supaya mereka mendapat gaji sama dengan guru-guru yang lulus SPM juga. Syarat yang memerlukan SPM untuk guru-guru ugama seperti yang dikehendaki oleh Laporan Aziz patutlah dikenakan kepada guru-guru yang baharu diambil sahaja.

Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyempurnakan permintaan ini, untuk memelihara moral dan kedudukan guru-guru ugama kita.

Mengenai guru-guru yang berijazah, kedudukan mereka sedang ditimbang oleh sebuah Suruhanjaya yang dihantar khusus untuk menyelidiki Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Asia Barat baru-baru ini. Saya percaya laporan Suruhanjaya ini akan memberi kepuasan hati kepada semua yang berkenaan.

Ini semua menunjukkan bahawa kita sangat memandang berat kepada kedudukan Ugama Islam sebagai satu tenaga penggerak untuk pembangunan masyarakat Malaysia Baru.

**Para perwakilan sekalian,**

**Satu lagi perkara yang baru-baru ini hangat dibincangkan dalam akhbar-akhbar ialah cadangan hendak menyamakan cuti umum di seluruh negara. Pada masa ini cuti umum di lima buah negeri iaitu Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan Johor adalah pada hari Khamis dan Jumaat yang berlainan dengan cuti umum di negeri-negeri lain dan Kerajaan Pusat. Perkara ini telah dibincangkan beberapa kali dan telah pun dibahaskan dalam Parlimen pada tahun 1960 dengan teliti dan usul di atas perkara ini telah ditolak. Oleh itu, pada fikiran saya eloklah keadaan yang ada sekarang ini tidak diubah dan saya fikir Kerajaan-kerajaan Negeri pun tidak bersetuju perkara ini diubah oleh sebab-sebab yang tertentu.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Sekarang saya suka berpaling kepada dasar luar negeri. Semenjak Kerajaan baru ditubuhkan pada bulan September 1970. Kerajaan kita telah menjalankan dasar luar negeri yang tegas, bebas dan berkecuali. Melalui dasar ini, kita telah meluaskan persahabatan kita dengan semua negara tidak kira apa juga sistem pentadbiran dan fahaman politik mereka. Sekarang kita telah diterima sebagai anggota kumpulan Non-Aligned dan baru-baru ini Persidangan Jawatankuasa Persediaan bagi mesyuarat Non-Aligned Countries atau Negara-negara Berkecuali telah diadakan di Kuala Lumpur. Ini adalah menunjukkan bahawa sungguhpun kita baru menjadi anggota Non-Aligned Movement kita adalah dihormati oleh kumpulan negara-negara ini.**

**Begitu juga kita telah mengemukakan dasar Perkecualian Asia Tenggara. Cadangan kita ini telah diterima baik bukan saja oleh negara-negara jiran bahkan oleh negara-negara sahabat yang lain di seluruh dunia.**

**Pada bulan November tahun lalu, Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur untuk menimbang-kan perkara ini dan hasil dari persidangan itu ialah Perisytiharan atau Deklarasi Kuala Lumpur yang menzahirkan keazaman negara-negara ASEAN, iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Malaysia untuk menjadikan Asia Tenggara ini "zone of peace" bebas dan berkecuali.**

**Sekarang usaha-usaha sedang dijalankan untuk menerangkan konsep itu dengan lebih mendalam kepada negara-negara yang lima itu dan juga negara-negara lain di Asia Tenggara. Cadangan kita ialah kawasan Asia Tenggara yang mengandungi sepuluh negara-negara kecil termasuklah Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Republik Khmer, Laos, Burma dan lima Negara ASEAN, dijadikan kawasan bebas dan berkecuali dan kebebasan dan pengecualian ini hendaklah diakui dan dihormati oleh ketiga-tiga Kuasa Besar dunia, iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan Komunis China.**

**Saya sukacita selepas Deklarasi Kuala Lumpur itu dipersetujui, saya telah dapat peluang berunding dengan Perdana Menteri Laos, Putera Souvana Phouma dan juga Perdana Menteri Burma, General Ne Win. Kedua-dua pembesar itu telah menerima konsep Pengecualian ini. Dengan itu saya berharap konsep ini dapat dipersetujui oleh negara-negara ASEAN dan negara-negara lain di Asia Tenggara dan seterusnya kita akan mengemukakan kepada Kuasa-kuasa Besar untuk dipersetujui dan dihormati oleh mereka.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Kita dukacita kerana keadaan rantau ini masih bergelora dan api peperangan di Vietnam masih menyala dengan hebatnya. Akan tetapi, kita bersyukur kerana baru-baru ini kita melihat dua peristiwa yang maha penting dalam pergolakan politik dan perhubungan antarabangsa—iaitu lawatan Presiden Nixon ke Republik Rakyat Cina dan ke Soviet Union. Nyatalah perbincangan kemuncak yang diadakan dengan kedua-dua negara itu dapat mengendurkan suasana tegang perhubungan kuasa-kuasa besar.**

**Kita mengalu-ngalukan perkembangan ini dan sungguhpun persidangan-persidangan kemuncak itu belum dapat membawa keamanan di Asia Tenggara dan mengendurkan ketegangan di Asia Barat, tetapi persetujuan Kuasa-kuasa Besar untuk berdailog dan membincangkan masalah dunia tidak dapat tiada membawa makna yang besar kepada keamanan dan ketenteraman pada masa akan datang.**

**Begitu juga perubahan dalam perhubungan antara super-powers tidaklah bermakna bahawa peperangan nuklear atau konfrantasi di antara mereka itu tidak akan berlaku. Kemungkinan ini belum dapat diduga. Akan tetapi, nyatalah bahawa satu proses telah bermula untuk meneadakan hubungan baik dan persefahaman**

antara kuasa-kuasa yang akan memberi dunia kita masa depan yang aman dan cerah. Kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan usaha-usaha perundingan kemuncak seperti ini akan diteruskan untuk keselamatan manusia dan keamanan dunia.

Para perwakilan sekalian,

Berkaitan dengan dasar luar kita yang tegas dan konsep kita untuk menjadikan Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali, mustahaklah kita dan negara-negara lain di rantau ini menjamin bahawa kita mempunyai kekuatan untuk berdiri di atas kaki sendiri untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita. Inilah satu syarat mutlak yang mesti ditunaikan kalau kita berkehendak negara-negara luar khususnya kuasa-kuasa besar menghormati kita.

Begitu juga negara-negara Asia Tenggara mestilah mengadakan kerjasama yang rapat antara satu dengan lain untuk kepentingan bersama dan saling membantu bagi kemajuan dan kemakmuran bersama. Dengan tujuan inilah kita berusaha sungguh-sungguh menguatkan bidang kerjasama serantau atau regional co-operation dan kita sukacita usaha-usaha kita itu bersama-sama dengan Indonesia, Thailand, Singapura dan juga Filipina mendatangkan hasil yang memuaskan. Pada hari ini, A S E A N sebagai pertubuhan serantau telah bertambah maju dan kukuh, menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan.

Para perwakilan sekalian,

Ada lagi satu perkara yang telah timbul tanda tanya di Persidangan Parlimen baru-baru ini. Satu puak pembangkang yang tertentu telah menimbulkan beberapa soalan berkenaan masalah Selat Melaka. Perkara Selat Melaka ini adalah terang dan nyata dan pada fikiran saya, ia tidak menjadi satu masalah sebab kita dan Indonesia hanya menuntut hak-hak kita sebagai negara yang berdaulat dan merdeka, dihormati oleh negara-negara asing, besar dan kecil. Indonesia dan Malaysia telah menuntut iaitu kawasan perairan kita diperluaskan daripada tiga kepada dua belas batu. Ada negara-negara lain yang telah membuat tuntutan yang sama seperti Mesir, India dan Algeria. Dengan sebab itu sebahagian daripada Selat Melaka telah menjadi kawasan perairan Indonesia dan Malaysia. Menurut amalan antarabangsa kawasan perairan

**sesebuah negara itu tidaklah boleh dijadikan kawasan antara-bangsa dan yang demikian Indonesia dan kita menentang cadangan hendak menjadikan Selat Melaka itu Perairan International.**

**Akan tetapi, kita mengakui untuk menghormati "innocent passage" atau "lalu lintas secara aman dan jujur" dan begitu juga lalu lintas kapal-kapal perang asalkan mereka itu memberi tahu kita terlebih dahulu menurut amalan antarabangsa. Kita tidak mencadangkan hendak menghadkan "lalu lintas secara aman dan jujur" oleh kapa-kapal semua negara akan tetapi oleh sebab setengah-setengah tempat di Selat Melaka itu cetek maka kapal-kapal besar yang berat lebih dari 200,000 tan tidak dapat dibenarkan melalui Selat Melaka kerana dibimbang berbuat demikian sangat merbahaya.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Kita sedang menjalankan perundingan secara mendalam mengenai perkara ini dengan Indonesia dan Singapura dan kita akan menentukan keputusan dan sikap kita yang muktamad. Saya patut tegaskan di sini bahawa Indonesia dan Malaysia mempunyai hak menjaga Selat Melaka itu supaya ia tidak dirosakkan oleh minyak yang tumpah dari kapal-kapal minyak yang boleh dan akan merosakkan dan membinasakan ikan-ikan dan pantai-pantai di kedua buah negara. Jika ini berlaku maka ini juga tentu akan memusnahkan mata pencarian beribu-ribu nelayan Malaysia dan Indonesia.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Saya telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan kedudukan politik di dalam dan luar negeri, dasar-dasar Kerajaan kita dan membayangkan harapan dan hasrat kita semua pada masa akan datang. Keamanan dan ketenteraman negara ini adalah bergantung kepada kekuatan dan kebolehan Kerajaan kita menadbirkan negara dan menjamin keamanan dan keharmonian rakyat. Kerajaan Perikatan adalah didukung oleh UMNO bersama-sama dengan rakannya, M.C.A. dan M.I.C. Oleh itu, mustahaklah kita sentiasa menjamin kekuatan Parti kita.**

**Saya telah sebutkan sebentar tadi sokongan terhadap Parti kita telah meluas dan ini sangatlah membanggakan, akan tetapi saya harap saudara-saudara sekalian janganlah berpuas hati dan mustahaklah saudara-saudara bersama menolong menjayakan rancangan-rancangan Kerajaan untuk mempopularkan lagi Parti kita.**

**Mustahaklah kita semua—pemimpin-pemimpin Parti—menjalankan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan benar-benar serious. Dalam Perhimpunan Agung tahun yang lalu, saya telah menerangkan dengan panjang lebar bahawa pandangan dan sikap rakyat sekarang telah berubah. Mereka lebih matang dan lebih mengetahui alam di sekeliling mereka. Mereka tidak boleh lagi menerima cakapan-cakapan apa lagi syarahan-syarahan kita dengan bulat-bulat sahaja. Mereka boleh menyemak dan menganalisa segala perkara. Oleh sebab perubahan sikap rakyat ini kita juga mestilah berani dan secara serious mengubah sikap kita.**

**Saya telah memberi arahan supaya mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja Parti di peringkat Bahagian dan Cawangan hendaklah diadakan seberapa kerap yang boleh, lebih baik, pada tiap-tiap bulan sekali, dan minit-minit mesyuarat hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat bagi pengetahuan Ibu Pejabat dan saya sendiri. Dengan ini saya akan dapat mengetahui samada mesyuarat-mesyuarat benar-benar diadakan dan samada Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan telah menjalankan tugas mereka masing-masing. Saya dukacita menyatakan bahawa sebilangan kecil sahaja yang telah menghantar minit-minit mesyuarat yang mereka adakan. Saya harap perkara ini dapat dibetulkan dengan seberapa segera yang boleh. Saya telah terangkan sekian kali sebagai Presiden UMNO, saya bertanggungjawab menjaga kekuatan Parti dan memerhatikan jentera Parti berjalan dengan baik dan sempurna. Begitu juga saudara-saudara ahli-ahli UMNO bertanggungjawab menjaga dan mengawasi pemimpin-pemimpin tertinggi menjalankan tugas mereka dengan jujur dan ikhlas.**

**Kekuatan UMNO bergantung kepada tiap-tiap orang ahlinya—bergantung kepada kesanggupan mereka menjalankan tanggungjawab mereka itu dengan jujur dan sempurna. Ketua-ketua Parti di semua peringkat—peringkat kebangsaan, negeri, bahagian dan cawangan—mempunyai tanggungjawab yang sama. Saya telah juga memberi arahan semua wakil-wakil rakyat mestilah melawat kawasan masing-masing dan berjumpa dengan pengundi-pengundi. Saya telah meminta mereka itu menghantar keterangan-keterangan dalam borang yang pendek menerangkan masa lawatan, tempat yang dilawati, masalah-masalah dan sambutan rakyat. Ini adalah untuk membolehkan saya mengetahui yang wakil-wakil rakyat sebenarnya menjalankan tugas mereka.**

**Para perwakilan sekalian,**

**Sebagai pemimpin yang saudara-saudara telah meletakkan kepercayaan untuk memimpin Parti kita, adalah menjadi tanggungjawab saya yang penting menjaga nama baik dan image Parti. Seperti saya terangkan tadi, sikap rakyat telah berubah. Rakyat tidak akan menerima wakil-wakil rakyat yang tidak sanggup menjalankan tugas mereka dan berdamping dengan rakyat.**

**Rakyat telah memilih wakil-wakil mereka dengan kepercayaan yang wakil-wakil itu akan menjaga kepentingan mereka; datang menziarahi mereka dari masa ke masa untuk mengetahui kesulitan-kesulitan hidup mereka. Pada masa-masa akan datang, rakyat tidak akan menerima wakil-wakil yang tidak menjalankan tugas mereka dan tidak melawat kawasan-kawasan pilihanrayanya.**

**Kita tidak akan meletakkan calon di mana kawasan pun seorang yang tidak dapat di terima oleh rakyat. Masanya sudah lewat bagi kita semata-mata hendak bergantung kepada nama baik Parti atau pengaruh Parti untuk menjamin kemenangan dalam pilihanraya-pilihanraya. Saya tahu apabila sampai dekat pilihanraya, banyak rombongan-rombongan yang datang hendak berjumpa dengan saya, Timbalan Presiden atau Ketua-ketua Tertinggi Parti. Oleh itu saya terpaksa menerangkan di sini bahawa sama ada seseorang itu akan dicalunkan untuk bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang bergantung pada kebolehan kejujurannya menjalankan tugasnya dengan sempurna menurut kehendak-kehendak rakyat.**

**Para perwakilan sekalian.**

**Saya telah katakan tadi kalau kita ingin UMNO terus mempunyai pengaruh dan tenaga, maka kita semua pemimpin Parti mestilah sanggup menunaikan tanggungjawab dengan penuh. Kita mestilah sanggup berkorban dan menjaga nama baik Parti serta meluaskan pengaruh Parti setiap masa.**

**Saya sendiri berani berikrar di hadapan saudara-saudara sekalian yang saya sanggup dan sedia berkorban usaha, fikiran dan tenaga bahkan jiwa saya untuk kepentingan Parti, Bangsa, Ugama dan Negara asalkan saudara-saudara juga berani dan bersedia menyahut seruan ini dan bersama-sama menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh minat dan dedikasi.**

**Hanyalah dengan kita semua sanggup membulatkan tenaga punyai pengaruh yang sebenar-benar dikehendaki dan barulah Negara kita dapat ditadbirkan dengan baik dan sempurna supaya terjamin kemajuan dan kemakmuran pada kita dan keturunan kita.**

**Oleh sebab kita mempunyai cita-cita yang mulia dan tinggi, dan kerana banyak lagi tugas-tugas penting yang belum kita laksanakan, maka sangatlah mustahak kita memperkuatkan Parti kita, mengukuhkan jentera UMNO ini. Segala tenaga dan kekuatan ahli-ahli UMNO—Pemuda dan Wanita hendaklah disalurkan untuk usaha-usaha yang berfaedah dan memberi munafaat kepada bangsa dan negara. Parti kita mestilah bergerak menurut landasan-landasan yang ditentukan, mengikut peraturan dan disipilin.**

**Disiplin tidaklah bererti membatasi kebebasan seseorang ahli, Pemuda atau Wanita untuk bertindak dan bersuara. Disiplin hanya sekadar bererti mengenakan aturan-aturan tertentu supaya tindakan seseorang itu disalurkan sesuai dengan dasar-dasar dan cita-cita perjuangan Parti dan Negara dan menurut aturan-aturan yang ditentukan.**

**Dasar UMNO ialah pragmatism; UMNO adalah sebuah Parti yang praktikal—perjuangannya sentiasa sesuai dengan aliran zaman. Selagi kita tunduk kepada prinsip ini dan berubah mengikut tuntutan zaman, maka selama itulah UMNO akan terus disokong bukan saja oleh Bumiputra tetapi rakyat Malaysia yang ingin melihat Negara ini terus maju dan rakyatnya hidup dalam suasana muhibbah dan aman damai.**

**Dalam usianya selama dua puluh enam tahun, UMNO telah menjadi juara perjuangan kebangsaan—memberi kedaulatan kepada Negara, kepada Bahasa Kebangsaan kita dan juga Ugama Islam. UMNO telah mempelupuri kebangkitan rakyat dan membawakan kemajuan dalam semua bidang serta mengembalikan perasaan megah atau "pride" kepada Bangsa Melayu.**

**Saya harap kita dapat meninggikan lagi taraf ekonomi, pelajaran dan sosial rakyat Negara kita khasnya kaum Bumiputra dengan membesarkan lagi kaum entrepreneur atau pengusaha-pengusaha Bumiputra, membentuk masyarakat perindustrian dan golongan professional melalui pelajaran dan latihan secara besar-besaran.**

**Kita akan terus mengadakan berbagai-bagai rancangan pembangunan untuk kebahagiaan hidup rakyat dan kestabilan Negara. Tetapi, seperti saya katakan diawal ucapan saya tadi, bahawa rancangan-rancangan ini hanya akan berjaya sepenuhnya jika ada penyertaan dari pihak rakyat dengan jujur dan ikhlas, Di sinilah letaknya peranan besar Parti kita iaitu mendorong dan menggalakkan rakyat supaya menyokong kita dalam pilihanraya-pilihanraya, menyokong dan mengambil bahagian penting dalam rancangan-rancangan Kerajaan yang sama hebat dengan sokongan yang mereka zahirkan pada tiap-tiap pilihanraya di negara kita ini.**

**Sesungguhnya tidak ada satu masa terdahulu dari kini yang membukakan sebegitu besar peluang dan harapan kepada rakyat Bumiputra untuk mencapai kemuncak kejayaan dan kebahagiaan. Tetapi, seperti kata pepatah Arab, masa adalah ibarat sebilah pedang—jika kita tidak menggunakannya dengan mengambil kesempatan yang terbuka sekarang ini, maka ia akan memusnahkan kita.**

**Tegasnya, peluang seperti juga waktu, tidak menunggu sebarang orang; kalau tidak digunakan, kita akan tercicir. Maka terpulanglah kepada kita sama ada hendak merebut peluang-peluang yang diadakan oleh Kerajaan itu atau kita lepaskan peluang-peluang itu begitu saja. Kita sekarang mempunyai peluang yang sebaik-baiknya untuk mendirikan satu asas yang kukuh bagi kemakmoran dan kebahagiaan hidup kita, Bangsa dan Negara. Kalau tidak kita akan ketinggalan. Oleh sebab itu kita mestilah bekerja kuat berlipat kali ganda lagi untuk mendapatkan satu taraf hidup yang sempurna, yang sesuai dengan tuntutan zaman sains dan teknologi.**

**Para perwakilan sekalian.**

**Perubahan sosial dan ekonomi semestinya mengambil masa yang panjang, tetapi Kerajaan mestilah terus berusaha sebagaimana juga rakyat Bumiputra sendiri mesti terus meluaskan penyertaannya dalam usaha-usaha Kerajaan itu. Saya yakin dan percaya dengan inayah Tuhan dan kesedaran yang ada dan sedang berkembang di kalangan sebahagian besar rakyat Bumiputra sekarang khasnya belia-belia dan anak-anak kita di bangku sekolah, kita dan jenerasi**

**akan datang akan mempunyai semangat, ketabahan hati dan dedikasi untuk menghadapi cabaran-cabaran dan mengatasi cabaran-cabaran itu dengan sempurna dan jayanya.**

**Dengan harapan dan semangat inilah, saya sudahi ucapan saya dengan menyeru para perwakilan sekalian supaya bersama-sama memikir dan merancang usaha-usaha bagi mengisikan segala kekosongan yang masih ada dalam kehidupan kita dan Negara kita yang dikasihi ini.**

**Sekianlah sahaja, saya ucapkan berbanyak terima kasih—selamat bersidang dan maju jaya!**